



Tong kitar semula diwarnakan dengan tiga warna berbeza mengikut fungsi.

(FOTO HIASAN)

Kitar semula untuk kepentingan masa depan

Mengikut sisa@my.malaysia, kitar semula bermaksud suatu proses untuk mengubah bahan yang telah menjadi sisa kepada sumber yang mendatangkan nilai. Kitar semula adalah proses yang harus kita amalkan untuk mengurangkan jumlah sampah yang dihasilkan setiap hari.

Setiap tahun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menetapkan bahawa 11 November adalah hari kitar semula kebangsaan. Kerajaan menetapkan sasaran kitar semula kepada 20 peratus menjelang 2020 berbanding lima peratus kini.

Dalam keratan akhbar *BH* pada 3 April, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah menyasarkan 100,000 kilogram (kg) bahan kitar semula tahun ini. Mereka menyasarkan 80 peratus sumbangan bahan kitar semula daripada sekolah menengah dan rendah sekitar Shah Alam, manakala 20 peratus daripada prasekolah.

Pada tahun 2013, data kutipan Pertandingan Kitar Semula peringkat sekolah mencatat 67,655kg bahan dikumpulkan oleh pelajar sekitar Shah Alam.

Melalui pembinaan lebih banyak tapak pelupusan sampah sanitari, kerajaan menetapkan sasaran 75 peratus gas metana dihasilkan di tapak pelupusan sampah akan diserap dan dijana sebagai tenaga elektrik. Tapak pelupusan sanitari mempunyai sistem paip menyedut dan mengumpulkan metana sebelum gas rumah hijau itu ditukarkan sebagai tenaga elektrik bagi kegunaan ramai.

Kerajaan juga memperkenalkan kempen 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) yang mana mampu menerapkan nilai cintakan alam sekitar dalam kalangan masyarakat. Mengikut Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007, bilangan tong kitar semula di Malaysia adalah sebanyak 2,470, manakala bilangan pusat pengumpulan adalah sebanyak 599.

Sedia tong kitar semula

Kerajaan juga telah menyediakan tong kitar semula yang diwarnakan dengan tiga warna yang berbeza mengikut fungsi yang berbeza iaitu warna biru, coklat dan jingga. Tong kitar semula terdapat dalam saiz 80 liter, 120 liter, 240 liter, 360 liter dan 660 liter.

Biru digunakan untuk semua kertas berwarna dan tidak berwarna seperti akhbar, majalah, buku, sampul surat dan kad kadbod. Kertas berkualiti tinggi biasanya adalah kertas cetakan putih, kertas komputer putih dan kertas nota putih. Kertas campuran pula termasuk semua kertas yang terhasil dari pejabat termasuklah yang berwarna pu-

“**Sebanyak 17 pokok terpaksa ditebang untuk menghasilkan satu tan kertas. Dengan mengitar semula kertas akan mengurangkan bilangan pokok yang perlu ditebang**”

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bh.com.my

ti dan juga warna lain seperti surat khabar, fail, sampul surat dan buku.

Tong berwarna coklat pula adalah khas untuk kaca seperti botol minuman ringan dan balang makanan. Biasanya kaca yang pecah dan kertas label juga boleh diterima. Tutup botol, seramik, batu dan mentol lampu yang telah dibersihkan dan bebas daripada kotoran juga boleh dijual. Namun tong ini tidak termasuk porselin, seramik, logam serta peralatan makmal.

Sementara itu, tong berwarna jingga pula untuk tin aluminium, tin keluli dan plastik. Sesetengah bahan logam seperti timah dan aluminium mempunyai harga pasaran yang tinggi. Pengumpulan bahan logam berkenaan adalah bergantung kepada jenis logam dan keadaan pasaran tempatan.

Sumber amat bernilai

Kita sebenarnya tidak menyedari dan mengetahui bahawa kita membuang sumber yang amat bernilai. Tahukah kita Malaysia mengimport lebih daripada 25,000 tan kertas bu-

ngan setiap bulan untuk menghasilkan produk kertas bagi menampung permintaan tempatan?

Malaysia juga mengimport bahan buangan lain untuk industri pengeluaran yang lain. Persoalannya, mengapa kita perlu terus mengimport jika kita juga mampu mengumpul kertas buangan untuk dikitar semula?

Sebanyak 17 pokok terpaksa ditebang untuk menghasilkan satu tan kertas. Dengan mengitar semula kertas akan mengurangkan bilangan pokok yang perlu ditebang. Seperti kita sedia maklum, negara kita sedang mengalami suhu panas yang amat tinggi. Ini adalah kesan daripada penebangan pokok yang semakin berleluasa.

Tambahan pula, mengitar semula adalah lebih menjimatkan berbanding dengan usaha menyelenggara tapak pelupusan sampah atau sistem yang lain. Apabila program kitar semula bertambah cekap, sampah yang perlu dilupus akan semakin berkurangan.

Tenaga yang dapat dijimatkan untuk mengitar semula satu tin aluminium adalah bersamaan dengan tenaga yang digunakan untuk memasang televisyen selama tiga jam. Mengitar semula kaca menurunkan suhu lebur untuk kaca baru sambil menjimatkan sehingga 32 peratus tenaga yang diperlukan untuk pengeluaran kaca.

Kesimpulannya, amalan kitar semula adalah amat penting sama ada untuk diri sendiri mahupun persekitaran kita.

Zulraidah Jumaat,
Universiti Sains Islam Malaysia.